

Seni Estetika
Didalam
Rekacorak Cadar

NOORZIAN IBRAHIM

SENIREKA TEKSTIL

I-T-M

SHAH ALAM

SELANGOR

"SENI KERTAS DIDALAM TEKNOLOGI CADAR"

ISI MUNDURAN

LEMA SURAT

SEMPAI KAPA	
PENDAHULUAN	
<u>BAB 1.</u> 1. <u>NOTEL-NOTEL YANG DIGUNAKAN</u>	1--3
2. <u>SUMBER-NOTEL-NOTEL</u>	4--8
3. (i) <u>REKACORAK GARIS-GARIS TELAZU</u>	9
(ii) <u>REKACORAK DARI INKAT</u>	10
<u>BAB 2.</u> 1. <u>BERANEA JENIS TEKNIK BAGI MEMHASILKAN</u> <u>REKACORAK CADAR</u>	11
(i) <u>CORAK-CORAK CADAR HASIL TEKNIK</u> <u>SUPRA SARENG</u>	11--12
(ii) <u>CORAK-CORAK CADAR HASIL TEKNIK</u> <u>REJES</u>	13--14
(iii) <u>CORAK-CORAK CADAR HASIL TEKNIK</u> <u>SENI TERHAD BENTANG LEMAS</u>	15
(iv) <u>CORAK-CORAK CADAR HASIL TEKNIK</u> <u>SENI TAMPIL (PACWORK)</u>	16
(v) <u>CORAK-CORAK CADAR HASIL TEKNIK</u> <u>INAT MENGAT</u>	17
<u>BAB 3.</u> 1. <u>HARTA PADA REKACORAK PABRIK</u>	18
2. <u>HARTA PADA REKACORAK CADAR</u>	20--22
3. <u>HARTA-HARTA PELIHAN MENGENAI PERINGKAT</u> <u>UMUR</u>	23--24
(i) <u>UMUR-KANAK</u>	
(ii) <u>UMUR</u>	
(iii) <u>UMUR</u>	

SEPAJAH KATA

ASSALAMUALAIKUM WARAHIMATULLAH HIWABARAKATUH.

Didalam zaman yang serba maju dan moden ini, perusahaan tekstil telah menjadi salah satu aspek yang sangat penting kerana ia dapat menolong memperkukuhkan lagi ekonomi sesebuah negara itu.

Kamar tidur adalah suatu tempat dimana seseorang itu dapat berihat, bersenang-lonang dan tempat mencari ketenangan jiwa. Ia merupakan tempat yang paling mustahak didalam sesebuah rumah. Oleh yang demikian kita seharusnya menjaga ia dengan baik supaya ia akan sentiasa kelihatan indah, kemas dan bersih. Salah satu cara menghiasnya ialah dengan menggunakan cadar-cadar yang beraneka jenis serta corak yang menarik. Dengan cara ini ia akan kelihatan indah sepanjang masa.

Saya telah memilih tajuk 'SENI ESTETIKA DIDALAM REKACORAK CADAR' untuk penyelidikan saya. Ini adalah kerana saya begitu tertarik hati dengan rekacorak-rekacorak cadar yang telah saya lihat didalam rumah-rumah disini serta didalam majallah tempatan. Dan juga corak-corak yang terdapat diatas permukaan cadar mempunyai perbezaan dengan rekacorak-rekacorak pabrik untuk kegunaan lain.

Rekacorak-rekacorak ini sangat menarik dan ia mempunyai keindahan serta identiti yang tersendiri. Saya berharap dengan penyelidikan ini, kita akan dapat melihat perubahan corak-corak pada cadar pada zaman dahulu dan masa kini.

SEKIAN. WASALLAM.

PENDAHULUAN.

Sejak dari zaman dahulu lagi iaitu permulaan sejarah, manusia telah mula menghias apa saja yang difikirkan perlu. Besar kemungkinan dia mula meroka corak-corak pada pakaiannya dan selopas itu perkara-perkara yang lain.

Kombinasi struktur, warna dan rekacorak pada fabrik untuk hiasan dalam mestilah dikaji dengan teliti supaya ia bersesuaian dengan 'environment' dimana ia akan digunakan kelak. Penggunaan sesuatu fabrik itu mestilah kena pada tempatnya. Jika tidak ia akan nampak janggal.

Didalam rekacorak cadar juga, aspek-aspek ini juga mesti dititik beratkan. Ini adalah kerana corak-corak cadar ada bermacam-macam jenis serta warna yang berlainan. Ia memenuhi selera pengguna yang bermacam ragam.

Bagi rekacorak cadar, warna dan corak merupakan perkara yang penting kerana ia akan mempengaruhi seseorang menggunakannya. Jikalau sehelai cadar itu beraneka warna, maka keseluruhan coraknya mesti mempunyai warna asas iaitu warna yang terang, malap atau pun 'tonal'.

Saiz tiap-tiap corak pada cadar juga penting. Setiap pereka corak cadar akan berhati-hati supaya saiz corak itu tidak terlalu besar dan tidak pula terlalu kecil.

Didalam bab-bab seterusnya saya akan membentangkan tentang motif-motif yang biasa digunakan, warna pilihan, jenis fabrik serta lain-lain kegunaan cadar ini.

1.

MOTIF-MOTIF YANG DIGUNAKAN.

Kebanyakan motif-motif yang terdapat pada cadar-cadar masa kini adalah berpandukan kepada apa yang boleh kita lihat di sekeliling kita. Idea ini adalah dari bermacam-macam jenis bunga-bunga, haiwan, coranga, keindahan alam semula-jadi dan sebagainya. Ini merupakan sumber-sumber inspirasi yang paling penting dan sangat berharga kepada setiap pereka corak dan pencinta seni tidak kira ia seorang pelukis, penyair atau pun seorang penyanyi. Dengan adanya sumber-sumber tersebut, maka kita akan dapat menghasilkan corak-corak yang indah dan menarik dan dengan cara ini rekacorak yang bakal kita hasilkan akan menjadi popular dan disukai ramai.

Rekacorak-rekacorak yang biasa kita lihat pada kain cadar adalah bermotifkan bunga-bunga. Motif bunga merupakan sumber idea yang paling popular sejak dari zaman dahulu lagi. Ini adalah kerana bunga-bunga mempunyai bentuk yang indah dan beraneka jenis serta warna yang menarik sehingga pereka-pereka tekstil dapat menghasilkan seribu macam idea dari sumber ini.

Motif bunga yang telah dipilih akan dikaji secara mendalam dan dari sini idea yang unik akan diporolohi. Ada diantara cadar-cadar yang mempunyai motif bunga yang 'detail' dan ada juga yang terlalu sederhana.